



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA
MEMPERSEMBAHKAN

pelakon utama
AHMAD IDHAM
MAYA
RAZAK AHMAD
ZAIBO
WAN MAIMUNAH
MUBARAK MAJID
ZAKARIA YUSOF
IBRAHIM AKIR
AZIZUL KHAMIS
KHAMSAH ABDULLAH

karya & arahan
KALAM HAMIDI

menampilkan
FADZIL AHMAD
Raja Gambus Malaysia
&
ASPALELA ABDULLAH

Nyiur gading
Puncak Mahligai
(Puteriku, Puterimu)

SELARIK KATA

SEPANTUN MADAH

Tahniah kepada Istana Budaya di atas kesungguhan usaha untuk mementaskan sebuah pementasan teater komedi *Nyiur Gading Puncak Mahligai*. Banyak perkara yang boleh kita pelajari daripada sesebuah pementasan teater ini, apatah lagi kalau corak pementasan berbentuk komedi. Persembahannya yang ringan menyebabkan kita lupa bahawa disebalik 'keringanan' itu ada kritikan sosial yang pedas untuk kita semua. Inilah yang perlu kita cari dan jadikan pengajaran.



Diharapkan pementasan ini akan menjadi langkah yang kukuh kepada Istana Budaya untuk menjadi sebuah intitusi pementasan teater yang kukuh di tanah air. Melihat keempat-empat pementasan yang lalu, saya semakin yakin bahawa kita semakin ramai khalayak khususnya golongan muda. Saya pasti, impian kita untuk melihat 200 hari persembahan akan terlaksana jua.



Kepada Istana Budaya teruskan usaha untuk mempertingkatkan mutu persembahan supaya sehebat dengan pementasan teater di luar negara. Kepada pengkritik-pengkritik yang budiman lontarkan kritikan yang membina untuk menjadi landasan kepada penggerakan Istana Budaya.

Sekian. Selamat Menonton.

A stylized, handwritten signature in black ink, consisting of several loops and flourishes.

DATO' TENGGU ALAUDIN TENGGU ABD. MAJID
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN
PELANCONGAN MALAYSIA

Merangkap
PENASIHAT | TEATER NYIUR GADING PUNCAK MAHLIGAI



SEUNTAI BICARA SECORET LUAHAN

Nyiur Gading Puncak Mahligai merupakan teater kelima yang dipentaskan di Istana Budaya. Istana Budaya akan sedaya upaya mempelbagaikan corak persembahannya sesuai dengan semua lapisan masyarakat tanpa mengabaikan kualiti. Pementasan *Nyiur Gading Puteri Mahligai* merupakan percubaan pertama IB untuk mementaskan teater bercorak komedi.

Pemilihan En. Kalam Hamidi sebagai pengarah juga memaparkan keunggulan IB untuk memberi peluang kepada golongan pengarah-pengarah veteran untuk turut sama berkarya di Panggung Seni, Istana Budaya.

Pada 15 September 2000 genaplah usia setahun Istana Budaya. Selamat Hari Jadi IB!!! Semoga akan terus gemilang untuk tahun depan dan tahun-tahun yang mendatang.

Sekian.

NORLIZA ROFLI
PEMANGKU PENGARAH ISTANA BUDAYA
Merangkap
PENERBIT TEATER
NYIUR GADING PUNCAK MAHLIGAI



KATA SEPAKAT JANJI DIIKAT

Dikeempatan ini saya ingin merakamkan ribuan terima kasih saya kepada Istana Budaya di atas peluang dan ruang yang diberi. Sebagai penggiat teater tanah air yang telah memula langkah seni dalam tahun 50-an, tentu sekali saya gembira dan bersyukur melihat perkembangan teater tanah air ini, apatah lagi dengan tersergam indahnya Istana Budaya. Akhirnya, bangunan teater yang pernah saya lihat dan kagumi di luar negeri terbina juga di bumi yang bertuah ini. Saya berpendapat, Istana Budaya masih di dalam proses pembelajaran. Oleh sebab itu, saya menyeru kepada semua penggiat seni teater tanah air supaya membantu dan memberi pandangan yang positif kepada Istana Budaya.

Nyiur Gading Puncak Mahligai adalah luahan rasa saya, yang saya jalin daripada cebisan-cebisan kehidupan. Ia terlahir dari rasa kecintaan saya terhadap tanah air dan saya melihat kita perlu melihat identiti kita yang sebenar tanpa rasa takut dan malu kepada cabaran dari luar. Kita mempunyai keunggulan kita sendiri yang teguh lagi kuat dan kita seharusnya jaga keunggulan itu. *Nyiur Gading Puncak Mahligai* adalah luahan saya. Selebihnya, kepada andalah, saya serahkannya untuk mentafsirkan.

Nyiur Gading Puncak Mahligai,
Sayang ketupat berisi inti;
Tontonlah teater ini sehingga selesai,
Sebarang ajaran letaklah di hati.

Sekian.

KALAM HAMIDI
PENULIS SKRIP DAN PENGARAH
TEATER *NYIUR GADING PUNCAK MAHLIGAI*



BIODATA PENULIS SKRIP DAN PENGARAH

- KALAM HAMIDI


Kalam Hamidi atau nama sebenarnya, Ab. Malek Ab. Hamid dilahirkan di Umbai, Melaka pada tahun 1936. Mendapat pendidikan awal di beberapa buah sekolah aliran Arab/Agama termasuklah di Sekolah Pondok Al-Diniah, Sungai Udang (Melaka), Gunung Semanggol Al-Ehya Al- Syarif dan Madrasah Al-Idrisiah Bukit Candan, Kuala Kangsar, Perak dan Al-Madrasatul Junid di Singapura. Kalam Hamidi seorang insan seni yang serba-boleh berlakon, menulis skrip dan mengarah drama pentas.

Sewaktu di Singapura, beliau selalu menonton Wayang Cina (*Chinese Opera*). Penontonan Wayang Cina ini banyak membina minat dan cita-citanya terhadap seni drama. Pada tahun 1956, beliau telah membuka lembaran sejarah baru, apabila diberi kepercayaan untuk mementaskan pantomin *Ratapan Ibu Pertiwi* di Singapura. Kemudian, diikuti dengan drama sebabak yang bertajuk *Seniman Kecil*. Beliau memperlihatkan kemampuannya berlakon pertama kali di dalam drama *Keris Sempena Riau* arahan Zubir Said dan Ramli Abdul Hadi. Bermula dari saat itulah, beliau semakin giat mengasah bakat lakonannya itu. Ini terbukti di dalam drama *Hang Jebat Menderhaka*. Di samping berlakon, Kalam Hamidi turut mengarah drama pentas. Drama *Gantung Tak Bertali* yang dipentaskannya di Victoria Singapura mendapat sambutan yang baik.

Sepanjang sejarah pengkaryannya, *Anak Nazar Tujuh Keramat* dan *Sial Bertuah* telah meletakkan beliau sebagai penulis yang baik dan sebaris dengan penulis-penulis drama tanah air. Sehingga kini, beliau telah menghasilkan lebih 30 buah skrip drama pentas dan sebahagiannya telah diantologikan di dalam *Seruling Gembala* (1961) dan selebihnya - *Anak Nazar Tujuh Keramat* (1966) dan *Sial Bertuah* (1966). Beliau pernah menghasilkan sebuah drama politik yang berjudul *Pejuang Kemerdekaan* yang dipentaskan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Melaka dan Johor Bharu.

Keinginannya untuk menimba pengalaman dan pengetahuan di rantau orang telah mendorong beliau mengembara secara berjalan kaki dari Singapura ke Kota London dan segala pengalaman ini diabadikan di dalam buku yang berjudul *72 Hari Mengembara Dari Singapura ke London*.

Beliau turut melibatkan diri di dalam dunia filem dan pernah memikul tanggungjawab sebagai penolong pengarah untuk filem *Bunga Padi Berdaun Lalang*, *Sumpah Semerah Padi* dan *Senja Merah*. *Setangkai Tak Sebau* merupakan novel pertamanya.



BIODATA PENGARAH MUZIK

- FADZIL AHMAD

Fadzil Ahmad dilahirkan di Muar, Johor Darul Takzim pada tahun 1941 dan mula mempelajari seni permainan alat muzik gambus dan menyanyi sejak berusia 17 tahun. Penglibatan dan minatnya itu mendapat sokongan dan tunjuk ajar dari guru-guru gambus yang terkenal. Antaranya Mahmood Abd. Majid (1958) dan Syed Sheikh Makbol Abot dari Muar (1960), diikuti dengan Syed Omar Baksheer dari Singapura pada tahun 1967. Kemudian, beliau berpeluang pula menuntut ilmu daripada Syed Mustaffa Al-Jufri dari Johor (1968) dan Syed Sheikh Ahmad Baagil dari Mesir pada tahun 1998.



Beliau mempunyai kumpulan gambusnya sendiri dan turut menubuhkan Kumpulan Setia Ghazal Party Muar pimpinan oleh Mahmood Majid (1960) dan Kumpulan Ghazal Seri Maharani pimpinan Ahmad Yusoh. Fadzil

turut menimba pengalaman dengan kumpulan Gambus Al-Wehdah Muar iaitu sebuah kumpulan Arab Muar). Keindahan bunyi petikan gambusnya turut dirakamkan di dalam piring hitam dan kaset.

Pada tahun 1975, Fadzil berhijrah ke Kuala Lumpur untuk berkhidmat sebagai jurulatih Seni Budaya di Kementerian Belia dan Sukan dan bersara pada tahun 1997. Sepanjang 23 tahun itu, beliau telah bermain gambus di lebih 36 buah negara.

Beliau juga pernah menjayakan *Konsert Fushion Gambus I dan II* anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan Orkestra Kebangsaan Malaysia pada tahun 1996 dan 1997. Kini, beliau menjadi pensyarah sambilan di Akademi Seni Kebangsaan sebagai jurulatih muzik (gambus).

PENAMPILAN KHAS

- ASPALELA ABDULLAH

Nama Aspalela Abdullah bukan satu nama yang asing bagi peminat seni tanah air. Ratu Lagu Melayu Asli ini terkenal dengan kelunakan suaranya dalam mengalunkan lagu-lagu Melayu Asli sehingga memukau semua pendengar. Dengan kemerduan suaranya itu, telah mengangkat beliau sebagai penyanyi yang baik dan menjadi idola kepada penyanyi-penyanyi muda yang terlibat dalam nyanyian lagu Melayu Asli. Beliau juga banyak meraih kemenangan, terutama dalam pertandingan-pertandingan lagu Melayu Asli. Penglibatannya di dalam bidang seni mendapat sokongan teguh daripada arwah suaminya yang tercinta Raja Ismail Raja Saad.



Beliau pernah dijemput sebagai penyanyi undangan dalam persembahan-persembahan teater. Antaranya *Bangsawan Raja Laksamana Bentan* (1996) dan *Bangsawan Haris Fadillah* (1997) arahan Rahman B, dan *Anak Nazar Tujuh Keramat* (1998) dan *Cinderella Puteri Ghazal* (1998) arahan Kalam Hamidi.

Beliau adalah seorang yang berkomitmen terhadap tugasnya dan senang berkongsi ilmu dengan penyanyi-penyanyi muda.

BIODATA KOREOGRAFER

- MOHD. SHAHRIL AKLA



Mohd. Shahril Akla merupakan anak kelahiran Negeri Di Bawah Bayu dan mula berkecimpung di bidang seni tari sudah melebihi 20 tahun. Pada tahun 1985, beliau menjadi penari sepenuh masa dengan Kompleks Budaya Negara (kini dikenali sebagai Istana Budaya). Semasa di Kompleks Budaya Negara, beliau telah banyak melibatkan diri sebagai penari dalam banyak persembahan tarian mempromisi Malaysia ke mata dunia. Antara negara yang pernah dilawati ialah Filipina, Australia, Indonesia, Jerman, Britain, Jepun dan Amerika Syarikat.

Menyedari hasratnya yang mahu menjadi insan seni yang berilmu lagi berdisiplin, beliau telah memilih jalan untuk melanjutkan pendidikannya dengan mengikuti Kursus Sijil Seni Kreatif di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1990/91. Kemudian pada tahun 1994/95, sekali lagi beliau membuat keputusan untuk meneruskan pengajiannya dalam bidang yang sama di Akademi Seni Kebangsaan. Berdasarkan usaha yang bersungguh-sungguh itu, beliau telah dianugerahkan sebagai Pelajar Terbaik Jabatan Seni Tari dalam Konvokesyen Pertama Akademi Seni Kebangsaan pada tahun 1998.

Berdasarkan ilmu dan pengalaman yang dikutip itu, telah membina satu keyakinan kepadanya untuk mengkoreografikan gerak tarinya. Antara tarian yang pernah dikoreografkannya ialah *Tana Mana I* (1996), *Tana Mana II* (1997), *Baguda* (1997), *Tik* (1998), *Citrawarna* (2000) dan teater *Puteri Saadong* (1999). Beliau turut menjadi Penolong Koreografer untuk teater kanak-kanak *Taman Baginda* dan *Malaysia Fest*.

Selain berkebolehan sebagai penari, beliau turut berminat di bidang lakonan teater dan nyanyian. Antara produksi yang pernah dilibati sebagai pelakon ialah *Bangsawan Raja Laksamana Bentan* (1996) arahan Rahman B dan *Randai Anggun Nan Tungga* (1998) arahan Dhamir Amir. Dalam Makyung *Anak Raja Gondang* (1997) arahan Khatijah Awang memperlihatkan kemampuannya sebagai pereka kostum. Kini, beliau menjadi jurulatih tari di Istana Budaya.

GURIDAM NYIUR GADING PUNCAK MAHLIGAI

Pembukaan

Awal Bismillah pembuka gelanggang
Sirih pinang alu-aluan
Selamat menonton selamat datang
Terima kasih kami ucapkan

Sirih pinang alu-aluan
Selamat berbahagia selamat datang
Selamat menonton hadirin budiman

Tablo

Budaya Melayu budaya asli
Adat dan resam ramah dan mesra
Sopan santun bahasa budi
Tak akan Melayu hilang di dunia

Latar 1

Mangkatlah sudah Seri Baginda
Sultan yang adil dan bijaksana
Memerintah negeri aman sentosa
Dicucuri rahmat Allah yang Esa

Latar 2

Bunga melati si bunga tanjung
Ditiup angin lambai melambai
Niat hati nak peluk gunung
Apakan daya tangan tak sampai

Latar 3

Nyiur gading puncak mahligai
Sayang ketupat berisilah inti
Hancurlah daging tulang berkecai
Belumlah dapat belumlah berhenti

Latar 4

Pertemuan jodoh ajal dan maut
Tanah kuburan pintu rezeki
Asam di gunung ikan di laut
Mungkinkah bertemu dalam kualiti?

Penutup

Tamatlah sudah persembahan kami
Teater jenaka untuk hiburan
Kami menyembah menyusun jari
Salah dan khilaf mohon maafkan



WATAK UTAMA / PELAKON



Tengku Mahkota - AHMAD IDHAM

Anak kelahiran Alor Setar, Kedah ini memulakan kerjaya seninya sebagai pelakon. Bakat lakonannya mula terserlah dalam drama bersiri popular di TV3 seperti *Cinderella* dan *Romeo & Juliet*, serta sitcom *Spanar Jaya* di NTV7. Selain itu, Ahmad Idham turut memegang watak utama dalam filem *Anaknya Sazali*.

Bertunjangkan pengalaman itu, beliau kemudiannya mengembangkan bakatnya di bidang pengarah drama TV dengan menjadi penolong pengarah kepada lebih 10 drama TV. Setelah berkeyakinan dalam dunia kepengarahannya benar-benar teguh, Ahmad Idham baru memulakan langkahnya sebagai pengarah. Ini dibuktikan melalui dua buah drama TV arahnya, iaitu *RC International* dan *Seliuh Anak Seluang* yang disiarkan di TV3 menarik perhatian ramai. Kemudian, di bawah naungan Kuasatek Pictures, Ahmad Idham turut menjadi koordinator untuk projek-projek drama luar negara.

Langkah pertamanya di dunia pentas bermula apabila ditawarkan berlakon di dalam teater *Selendang Umi* karya Dato' Noordin Hassan, arahan Adnan Hamzah pada tahun 1998. Diikuti dengan teater *Rubiah*, arahan Ahmad Tarmimi Siregar pada tahun 1999. Teater *Nyiur Gading Puncak Mahligai* merupakan pengalaman ketiganya di dunia lakonan pentas dengan membawa watak utama sebagai Tengku Mahkota.

Puteri Ghazal - MAYA

Dilahirkan di Johor Darul Takzim dan masih baru di dunia lakonan teater. Teater pertama yang dilabati ialah *Cinderella Puteri Ghazal* arahan Kalam Hamidi dengan menghayati watak utama – *Cinderella* pada tahun 1998.

Penglibatan awalnya di dalam dunia seni lebih menjurus ke bidang nyanyian. Di bidang ini, beliau telah menghasilkan dua album. Pernah memenangi tempat ketiga di dalam Pertandingan Lagu Melayu Asli di peringkat daerah Johor Bahru pada tahun 1993 dan menjadi naib juara dalam pertandingan yang sama pada tahun 1994 dan johan pada tahun 1995.

Pernah membintangi filem *Gemerlapan* terbitan Grand Brilliance Sdn. Bhd. dan TV3 dan Lagunya *Diari Biru II* pernah



S I N O P S I S

Sewaktu mengadakan lawatan diraja di Kampung Seri Maharani, Tengku Mahkota dan rombongannya dihiburkan dengan persembahan tarian dan nyanyian yang diketuai oleh Puteri Ghazal. Tengku Mahkota begitu tertarik dengan ketua kumpulan hiburan tersebut. Selesai persembahan itu dan atas cadangan Tengku Seri Banun, Tengku Mahkota menghadiahkan seutas kalung berliannya kepada Puteri Ghazal. Tengku Mahkota juga menawarkan kepada Puteri Ghazal untuk menjadi penari istana dengan alasan bahawa ayahandanya yang sedang gering itu amat gemarkan lagu-lagu ghazal. Tiba-tiba ayahanda baginda diisytiharkan mangkat dan hancurlah harapan baginda untuk membawa Puteri Ghazal ke istana.

Dalam masa yang sama, Puteri Ghazal sedang dilamun cinta dengan seorang pemuda yang bernama Lanang. Setelah mengetahui pelawaan Tengku Mahkota kepada Puteri Ghazal, Lanang mula dibakar api cemburu. Namun, Puteri Ghazal tetap menyakinkan Lanang bahawa cinta dan sayangnya tidak akan berubah dan sanggup sehidup dan semati.

Percintaan Lanang dan Puteri Ghazal tidak disenang langsung oleh ayah Puteri Ghazal iaitu Datuk Penghulu Mat, walaupun Lanang pernah menyelamatkannya sekeluarga dari lemas setelah perahu yang mereka naiki itu karam di muara Sungai Muar.

Setelah kematian ayahandanya, Tengku Mahkota semakin menderita. Lebih tertekan penderitaannya apabila baginda masih lagi belum menerima balasan cinta dari Puteri Ghazal. Tekanan ini terbawa-bawa sehingga ke dalam mimpi.

Punca penderitaan Tengku Mahkota hanya diketahui oleh Mak Inang sahaja. Melalui Mak Inang, Tengku Mahkota menyatakan hasratnya untuk berjumpa dengan Puteri Ghazal dan Mak Inang menyampaikan hajat tersebut kepada Puteri Ghazal. Puteri Ghazal sudi berjumpa dengan Putera Mahkota. Di dalam pertemuan secara rahsia itu, Puteri Ghazal menerangkan situasi sebenarnya, bahawa dirinya sedang bercinta dengan Lanang dan akan mengikat tali pertunangan selepas musim menuai nanti.

Tengku Mahkota terus gering. Melihat kegeringan tersebut, Permaisuri terus memanggil Tabib. Sewaktu merawat Tengku Mahkota, Tabib mendengar racauan Tengku Mahkota yang selalu menyebut perkataan 'puteri'. Menyedari hal itu, Permaisuri segera memerintahkan kepada Datuk Temenggung ke negeri-negeri untuk mencari calon-calon isteri dari kalangan puteri-puteri raja untuk Tengku Mahkota.

Beberapa calon isteri diperlihatkan kepada Tengku Mahkota, tetapi sayangnya, semuanya ditolak oleh Tengku Mahkota. Mak Inang tampil memberitahu hal yang sebenar kepada Permaisuri Lalu, Permaisuri memerintahkan Mak Inang membawa Puteri Ghazal kepada baginda. Tetapi malang, hajat tersebut terpaksa ditolak kerana Puteri Ghazal sedang sibuk mengadakan persiapan untuk majlis pertunangannya dengan Lanang.

Mendengar berita itu, Tengku Mahkota jatuh pengan sekali lagi. Permaisuri memerintah supaya ramai tabib, dukun dan bomoh dipanggil untuk mengubati Tengku Mahkota tetapi menemui jalan buntu. Mak Inang merancang bersama Tabib, Bendahara, Temenggung dan ramai lagi untuk memanggil satu kumpulan ghazal untuk mempersembahkan hiburan. Kumpulan ghazal yang dipimpin oleh Puteri Ghazal dipilih untuk membuat persembahan.

Mendengar suara Puteri Ghazal mendengarkan lagu ghazal, Tengku Mahkota terus sedar daripada geringnya. Tampilah Tengku Seri Banun menawarkan diri untuk menjadi isteri kepada Lanang asalkan Puteri Ghazal rela menjadi permaisuri hati kepada kekandanya, Tengku Mahkota.

Kata muafakat dicari, persetujuan dijunjung tinggi, akhirnya Puteri Ghazal menerima lamaran Tengku Mahkota, Tengku Seri Banun dikahwini dengan Lanang dan Datuk Penghulu Mat bertemu janji dengan Mak Inang. Atas usaha Datuk Temenggung, Bendahara meminang Permaisuri.



Lanang - RAZAK AHMAD

Anak jati Pahang ini dilahirkan pada tahun 1967. Selain berlakon drama TV dan teater, beliau juga berkemahiran di bidang menyanyi, menari, bersilat dan berqasidah. Beliau bercita-cita menjadi artis yang serba-boleh lagi berilmu. Berdasarkan prinsip itu, beliau tidak jemu-jemu menimba ilmu.

Antara teater yang pernah dilakoni ialah *Rubiah* (1999) arahan Ahmad Tarmimi Siregar, *Cinderella Puteri Ghazal* (1997) - Kalam Hamidi dan *Anak Tanjung* (1993) - Lokman Ghani.



Permaisuri - KHAMSAH ABDULLAH

Nama Khamsah Abdullah bukanlah nama baru di pentas seni tanah air. Beliau berkebolehan di bidang menari, berlakon dan mengarah teater. Selain itu, anak kelahiran Terengganu ini juga aktif dalam bidang lakonan drama TV dan radio dengan menggunakan nama Kei Es. Merupakan pengurus kepada kumpulan seni Sanggar Seri Menanti dan pernah dinobatkan sebagai koreografer terbaik dalam Festival Tari Felda Zon Timur pada tahun 1978 dan Pengarah Terbaik Pekan Teater 1998.

Antara teater yang pernah dilibati ialah *Anak Tanjung* - Dato' Noordin Hassan, *Di Kampung Di Kota* - Syed Alwi, *Malam Gelap di Bukit Damansara* dan *Keris Sang Puteri* - Dato' Rahim Razali, *Rezeki* - Dr. Ghouse Nasaruddin, *Sirih Bertepuk Pinang Menari* - Dato' Noordin Hassan, *Itik Liar* - Ahmad Tamimi Siregar, *Anak Nazar Tujuh Keramat* dan *Cinderella Puteri Ghazal* - Kalam Hamidi, *Uda Dara In English* - Ahmad Yatim Megat Panji Alam - Rahman B dan *Menyerahnya Seorang Perempuan* - Wagiman N. S.

Tabib Shahbana - ZAIBO

Nama sebenar Zaibo ialah Zainal Ariffin Abd. Hamid, dilahirkan di Perlis pada tahun 1956. Turut berkebolehan dalam bidang lakonan dan tarian. Beliau seorang yang berkomitmen terhadap tugas-tugasnya. Berdasarkan asas itulah, beliau terus 'dilamar' oleh ramai penerbit produksi teater atau drama TV untuk berlakon.



Penglibatan Zaibo di bidang lakonan teater bukanlah perkara baru. Antara teater yang pernah dilibati ialah *Gong Gedombak* - Khalid Salleh, *Tikar Mengkuang* dan *Anak Tanjung* - Lokman Ghani, *Tok Perak*, *The Accidental Death Of An Anarchist*, *Members Of The Club* dan, *I Remember The Rest House* - Dato' Syed Alwi, *Sampai Bila* - Dr. Samat Salleh, *Korporat* - Dr. Hatta Azad Khan, *Malam Ini Penyus Menangis* dan *Sirih Bertepuk Pinang Menari* - Dato' Noordin Hassan, *Tiang Seri Tegak Berlima* - Rohani Yousof, *Selendang Umi* - Adnan Hamzah, *Jebat in English* - Dato' Rahim Razali dan *Caught In The Middle* - Jo Kukanthas.

Pernah memenangi *Highly Commendable Artiste* (sitcom) di Anugerah Asian TV pada tahun 1996 di Singapura.

Bendahara - MUBARAK MAJID

Dilahirkan di Perak dan aktif berlakon untuk drama pentas, TV dan radio. Antara produksi teater yang pernah disertai ialah *Terawis* arahan Hasan Jali, *Cucu* dan *Malam Haram* - Rosminah Tahir, *Randai* - Ahmad Tamimi Serigar, *Pandangan Dari Sebuah Jambatan* dan *Sirih Bertepuk Pinang Menari* - Dato' Noordin Hassan, *Matinya Seorang Pahlawan* dan *Kota Lukut* - Kamarul A. R.

Pernah memenangi Pelakon Lelaki Terbaik Pekan Teater Negeri Selangor pada tahun 1995.



Temenggong - AZIZUL KHAMIS

Memulakan kerjaya seninya sebagai penyanyi dan pernah menghasilkan 8 album. Bermula dari situlah, Azizul mula mengembangkan bakatnya sebagai pelakon drama TV dan teater. Pernah meraih Persembahan Terbaik dalam Pertandingan Patriotik R.T.M pada tahun 1984 dan 1994.

Langkah pertama Azizul ke dunia pentas bermula apabila beliau menerima cabaran dari pengarah bangsawan, Morad Ibrahim apabila berlakon sebagai Bendahara di dalam bangsawan *Puteri Lindungan Bulan*. Ini diikuti dengan *Kuala Lumpur Oh Kuala Lumpur* - Dato' Rahim Razali dan *Kota Lukut* - Kamarul A. R.

Selain itu, Azizul turut berganding bahu bersama Sheila Majid dan Francisca Peters mewakili Malaysia ke Asian Song Festival di Singapura dan Bangkok.



Bentara - ZAKARIA YUSOF

Merupakan seorang pelakon yang aktif dunia pentas teater, drama TV, filem, radio dan dokumentari. Turut berbakat di bidang menulis skrip drama pentas dan radio. Beliau pernah menjadi pengarah untuk produksi yang kecil dan sederhana.

Antara teater yang pernah dilakoni ialah *Debut Hang Jebat* (1973) dan *Anak Nazar Tujuh Keramat* (1974) - Kalam Hamidi, *Keris Pusaka Dari Membunuh Lagi* (1977) - Datuk S. M. Salim, *Kuala Lumpur Dahulu dan Sekarang* - Datuk S. M Salim, Yasmin dan Zakaria (1976), *Anak Tanjung* (1997) - Rohani Yousoff, *Sungai Mengalir Lesu* - A. Wahab Hamzah - 1997, *Cinderella Puteri Ghazal* (1998) - Kalam Hamidi, *Sirih Bertepuk Pinang Menari* - Adnan Hamzah (1988), *Seraut Kasih* (1998) - Azi Zukri, *Landasan* (1999) - Yalal Chin dan *Malam Haram* (1999) - Rosminah Tahir

Teater *Kenapa Kun Ini Semua* (1977) dan *Duta Dari Barzah* (1975) merupakan hasil penat lelahnya sebagai pengarah dan bersama Datuk A. Samad Said, beliau mementaskan *Stall Oh Stall Sate Oh Sate* pada tahun 1993.



Mak Inang - WAN MAIMUNAH

Wan Maimunah pernah menjadi penari di Kompleks Budaya Negara (kini dikenali sebagai Istana Budaya) pada tahun 1972 sehingga 1981 dan mula mengasah bakatnya di dalam bidang lakonan apabila berlakon secara 'bidang terjun' di dalam teater *Seri Kebayan* arahan Khalid Salleh pada tahun 1980. Bermula detik itulah, beliau mula mendapat tawaran berlakon sebagai pelakon tambahan tanpa dialog. Tiada siapa yang menyangka, nama Wan Maimunah kini terletak sebaris sebagai pelakon serba boleh lagi disegani. Pencapaian yang cemerlang ini tidak meleakannya, malah dia tetap mencuba dan berlakon asalkan watak yang ditawarkan itu mencabar.

Antara produksi yang pernah dilibati ialah *Seri Kebayan*, *Rumah Tak Bernombor*, *Senja Sepanjang Masa*, *Jangan Bunuh Rama-rama*, *Remang di Lorong Tua*, *Opera Siti Zubaidah*, *Pandangan Dari Sebuah Jambatan*, *Rubiah*, *Lorong*, *Teman*, *Tamu*, *Biar Mati Anak*, *Matinya Seorang Seniman*, *Tun Teja*, *Tikar Mengkuang* dan *Penghuni Paya*.

Pernah mendapat anugerah Pelakon Komidi Wanita Popular selama lima tahun berturut-turut iaitu mulai tahun 1991-1995 dan Pelakon Wanita T.V Terbaik Anugerah Seri Angkasa pada tahun 1999.



Penghulu - IBRAHIM AKIR

Namanya sebaris dengan pelakon-pelakon terkenal dan serba boleh. Mula melibatkan diri secara aktif di bidang seni sejak tahun 1970-an.

Antara teater yang pernah dilibati ialah *Tun Kudu* (1977) dan *Ribut* (1977) - Musthapa Nor, *Raja Pengemis* (1976) - Omar Abdullah, *Anak Nazar Tujuh Keramat* (1997) dan *Cinderella Puteri Ghazal* (1998) - Kalam Hamidi, *Mat Som* (1987) - Syed Alwi, *Ayu Cendana* (1998) - Fauziah Nawi, *Si Bereng Bereng* (1982), *Breng*, *Brong*, *Brang* dan *Sijil Penuh* - Khalid Salleh dan *Kota Lukut* (1996) - Kamarul A.R.

Rekaan Utama (1977) merupakan teater arahan pertamanya. Teater *Orang Ke 13* - Musthapa Nor, *Dayang Sari* (1979) - Aznain, *Tikar Mengkuang* (1997) memperlihatkan kemampuannya mengurus kerja-kerja



PELAKON PEMBANTU

JIAN – Tengku Seri Banun SYUKOR YON – Pembantu Bentara MOHD ZUKRY JANTAN – Wakil Cina
 IDRIS JAMALUDDIN – Pengawal YAHAYA MOHD. RAMLY – Wakil India AZMI ADAN – Pengawal
 MOHD HADY TAHIR – Pengawal MOHD NAIM AB. WAHAB - Wakil Inggeris / Penjaring
 MOHD SOUPI ZAMI - Pengawal ROSLI MOHD TAIB - Pejala ZURAINI ZAMRI – Puteri Inggeris
 OSMAN JAILANI - Wakil Jawa HASURINA NASIR – Puteri Arab / Dewi SITI ROGAYAH AHMAD – Mak Andam
 AMI HARYANI ABD. HAMID – Puteri Cina SARINA A. AZIZ – Puteri Jawa / Dewi
 MARDIANA ISMAIL - Puteri Terengganu NOR HAIZA MOHD SALLEH – Puteri India / Dewi



MUZIK

Pengarah Muzik
FADZIL AHMAD

Koordinator Muzik
MOHD SYUKOR IBRAHIM
SALEHUDDIN MD. SALLEH

Pemuzik-pemuzik :
MD. YASSIN AMIN
HALIM MAT HUSIN
SUKRI KAMIT
ISMAIL SOOMBRI
JIFRI ZIN
ZAHARI MUSA
SHAM ZIN
A MUTALIB HUSSEIN
A WAHAB OTHMAN
A LOKMAN AYUB

TARI

Koordinator Tari
KAMARULZAMAN TAIB

Koreografer Tari
MOHD SHAHRIL AKLA

Penari-penari
WAN AZMAN WAN AHMAD
HAMZAN ISMAIL
RAMLI LANI
ZULKIFLI BAHAROM
MOHD ANUAR ZAKARIA
ABDUL MUTALIF ABU BAKAR
ZASHAMAN SHAHARUDDIN
ZAIDI ABDULLAH
KINTAN AHMAD
NORASHIMAH LEMAN
SYAIRA DALINA ABDULLAH
ZALINA YAN
ROSLIZA MOHD RAZALI
HANIPAH HAIRI
SHARIFAH RAHA SYED MUSTAFA
ISTIADZIAH ISHAK
HANITA HANAFIAH
NORAIDA RAZAAI
JUMANINOR HANAFFI
MA NOR HUDA MANSOR
ROZITA ISMAIL

TENAGA PRODUKSI : PENGURUSAN / PENTADBIRAN

Penaung
DATO' ABDUL KADIR SHEIKH FADZIR

Penasihat I
DATO' TENGKU ALAUDIN TENGKU ABD. MAJID

Penasihat II
ENCIK DAING ABDUL RAHMAN B. DAING IBRAHIM

Penerbit
NORLIZA ROFLI

Penerbit Eksekutif
NORIZAH ARSHAD

Pengurus Produksi
ZULKIFLI RASHID

Pen. Pengurus Peroduksi
KAMARULZAMAN TAIB
ZAWIAH MOHAMAD

Penulis Skrip dan Pengarah
KALAM HAMIDI

Penolong Pengarah
SHAHRIZAL ABD. MALEK

Pengarah Muzik
FADZIL AHMAD

Pengurus Kewangan I
AZHAR ABU BAKAR

Pengurus Kewangan II
HAJI KAMARUZZAMAN M. NOOR

Pengurus Pemasaran
RIDUAN ABD. SALAM
ABDUL MANAP ABDUL HAMID

Penulis Teks
W. ZALINA RAJALI

Koordinator Muzik
MOHD SYUKOR IBRAHIM
SALEHUDDIN MD. SALLEH

Koordinator Tari
KAMARULZAMAN TAIB

Koreografer Tari
MOHD. SHAHRIL AKLA

Pereka Grafik
HAZIZE SAN
JASRIEN JAAFAR

Pameran
MOHD. HANAFI WAHAB

Pengurus Kebajikan
IDRIS SHAARI
ROSLEE AHMAD

Sekretariat
KAMARULZAMAN TAIB
HAZIZE SAN
ABD. AZIZ IDRIS

Jurufoto
SHARIFF KAILANI
AZHAR MUATAPA

Jemputan
UMI KALSOM MAT
AZILI GEMBOR

Jualan Tiket
AZILI GEMBOR
ROSLEE AHMAD
SONAMUTHU A/L ADEKIN
ROSZILAWATI ABD. RAHIM
KHADIJAH MOHD JOHARI
MARINA MARY CHARLEE

Publisiti/Media
NORIZAH ARSHAD
RIDZUAN ABD. SALAM
ABD. MANAP ABD. HAMID
MOHD. HOSRI MORNI
AZILI GEMBOR
ROSZILAWATI ABD. RAHIM
SONAMUTHU A/L ADEKIN

Penajaan
NORIZAH ARSHAD
SONAMUTHU A/L ADEKIN
KHADIJAH MOHD JOHARI
MOHD. HUSRI MORNI

Penyambut Tetamu
MOHD. HUSRI MORNI
UMMI KALSOM MAT
IDRIS SHAARI
AZILI GEMBOR
ROSLEE AHMAD
RADZIAH ABU BAKAR
ROHANI KHAMIS
RAJA RODZIAH
GHANI NORDIN

SONAMUTHU ADEKIN
ABDUL AZIZ IDRIS
MARINA MARY CHARLES
KHADIJAH @ JULIE JOHARI
ROSZILAWATI ABDUL RAHIM
AHMAD YEOP
MAZHARIAH MANSOR
WAN ZUN WAN JUSOH
AZMI ZAIN
NORZIAH ABDUL MAJID
FADZLI MD. YUSOF
NORIZAH HARUN
HANIM MUHAMMAD
WAN EMILIAWATI WAN IBRAHIM
RAHIMAH ABDUL KADIR
RAHAZA NASIR
WAN RAHANI WAN IBRAHIM
RODZIAH BASRI
ZAMBRI B MOHAMAD
SANIMAH IBRAHIM
OTHMAN AHMAD
ZAINAH HAMIJAN
NORASMA HASHIM
HANITA HASHIM
ALIZAH ALIAS
NURHALIZA AZIZ @ AZMI
SITI ROHANI HAJI ISMAIL
SUHAIMI ABDUL JALIL
THALATHIAH AWANG
SITI FATIMAH OTHMAN
HASHINAH ABDUL KARIM
NOORMAH SHAARI
ISMAROZANA ISMAIL

TENAGA PRODUKSI : PENGURUSAN PENTAS DAN TEKNIKAL

Pengurus Teknikal Pentas
RAMLAH AMIR

Pengarah Teknikal
SAINI LIHI

Penyelaras Teknikal
MAIMUN ABBAS

Pengurus Pentas
SHHRUL AZLI MOHD SHUKOR

Pengurusan Pentas
ABD. RAHIM JAAFAR
RAJANI ADAM
NORAIZAN MAMAT

Pereka set
NAZALI WAHAB

Pereka Tatacahaya
ABD. RAZAK ABD. RAHMAN
GUNASELVARAN A/L L.R.P.S MANIAM

Juruteknik Tatacahaya
AMIR ABU
HASNI HASAN
ABD. SAMAH YAHYA
JAMAL SUJAH
MAZLAN YAHYA
JAILANI AHMAD
IDRIS BAKAR
SUHAIMI AB. MAJID
NORAZLAN YUNUS

Pereka Audio
WAN MOHD AZAM WAN ISHAK

Juruteknik Audio
TINES KUMAR A/L MURUGASU
ISMAIL MOHAMAD
RASOL AHMAD
ANUAR MOHD KASSIM
MAZLAN HASSIM
AHMAD FAIZAL ZULKIFLI
AHMAD FAUZI JAAFAR

Juruteknik Video/Dokumentasi
JAMALUDDIN MD. NOR
ILMI CHE HAMID
AHMAD RUZAINI SHARIFF
RAMLI ALI
AB. RAZAK BUJANG
HASSIM MAHADI
NOR FIZAYATI AN\BD. MANAF

Pembantu Teknik Mekanikal Pentas
MOHD. AZLI BAHARUDDIN
MOHD ZAKI ABU SAMAH

Juruteknik Mekanikal
ZULKEFLEE HUSIN
MOHD. FYRULNIZAM YUSOFF

Pereka/Pengurus Props
ZULKIFLI MAT JALI

Pembantu Props
ZAINAL MOHD ALI
AZAMUDIN ARSHAD

Pereka Kostum
BADRUL ZAMAN ABD. JALIL

Jurukostum
JAILANI RAZAK
HAJJAH YAACOB
AZIZAH ABD. AZIZ
SUHAILAH AWANG

Pereka Tatarias
YUSNAZUWA YUNUS
ZAMAWANI SHAARI

Pembantu Tatarias
A. ARIS A. KADIR
OSMAN ALI





PRODUKSI AKAN DATANG

FESTIVAL TARI KEBANGSAAN 2000

September 27-30

Festival kesenian khususnya genre tari yang disertai oleh kumpulan kesenian dari seluruh Malaysia di mana setiap negeri akan diwakili oleh sebuah kumpulan yang terbaik. Festival ini diadakan bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan.

TARI 2000

Oktober 3-8

Program tari peringkat antarabangsa yang diadakan secara dwi-tahunan ini melibatkan pembabitian kumpulan-kumpulan tradisional, moden dan kontemporari dari dalam dan luar negeri.

OKINAWA DANCE

Oktober 10-11

Sebuah persembahan kesenian dari negara Jepun yang diadakan bersempena dengan Japan Malaysia Festival 2000.

CARMINA BURANA

Oktober 13-14

Konsert gabungan Koir Kebangsaan dan Orkestra Simfoni Kebangsaan di bawah pimpinan Konduktor Jemputan, Roland Peelman dari Australia.

GISELLE AND NUTCRACKER

Oktober 27-29

Persembahan ballet dari Kumpulan Bolshoi Ballet Tashkent yang diiringi oleh Orkestra Simfoni Kebangsaan dibawah pimpinan Konduktor Jemputan dari Uzbekistan, Dilba.

BUSAN PHILHARMONIC ORCHESTRA

November 2

Sebuah konsert oleh Pusan Philharmonic Orchestra

SITI DI ALAM FANTASI

November 17-26

Sebuah teater kanak-kanak yang mengisahkan pengembaraan yang penuh dengan keajaiban dan fantasi dalam mencari jati diri.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Box- Office

Tel : 03 4025 5932/4025 5934

Fax: 03 4025 5975

PENGHARGAAN

Kementerian Kewangan

Kementerian Penerangan

Majlis Perbandaran Petaling Jaya

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Akademi Seni Kebangsaan

Jabatan Muzium Dan Antikuiti

Jabatan Arkib Negara

Balai Seni Lukis Negara

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia

Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia

Pejabat Kebudayaan Dan Kesenian Negeri - negeri

Media Cetak

Media Elektronik

Dan

semua pihak dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pementasan teater NYIUR GADING PUNCAK MAHLIGAI

